

KEBERKESANAN PROGRAM PERSEDIAAN SEBELUM BERSARA JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Dr. Ismail Alias

PENDAHULUAN

Selaras dengan mewujudkan perkhidmatan awam yang penyayang, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) telah mengadakan satu program khas untuk bakal pesara perkhidmatan awam pada tahun 1998. Bahagian Pencen, JPA telah mula mengadakan Program Persediaan Sebelum Bersara (PPSB). Tujuan utama PPSB adalah untuk membantu bakal pesara memahami kehidupan semasa bersara dan membantu mereka membuat perancangan persaraan. Persediaan persaraan ini adalah penting untuk dijadikan panduan semasa mereka hidup di alam persaraan.

Selepas 5 tahun program ini dilaksanakan, adalah wajar satu kajian keberkesanan PPSB itu dilakukan. Kajian ini hanya dilihat dari segi jangka pendek, sepatutnya kesan PPSB lebih wajar dilihat sehingga bakal pesara benar-benar telah melalui kehidupan dalam persaraan. Ini akan dapat memperlihatkan secara lebih nyata sama ada PPSB dapat membantu bakal pesara dalam proses menyesuaikan diri ke alam persaraan. Kajian jangka panjang tidak dapat dilaksanakan kerana masa yang diperuntukkan untuk membuat kajian ini tidak mencukupi. Walau bagaimanapun maklumat dan dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kelak.

Sehingga kini, kajian yang dibuat bertujuan untuk melihat keberkesanan PPSB yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain agensi yang telah menganjur PPSB masih sangat kecil, (Abdul Halim 1984, Ismail 2000). Walau pun begitu kajian penerokaan terhadap isu-isu persaraan dan orang tua telah mula dibuat oleh beberapa pengkaji seperti Jami'ah (1984); Abdullah (1987); Maznah & Lourdusamy (1987); Song (1990); Tee (1993); Tan (1995); Tey (1995); Teo (1995). Adalah diharapkan dengan kajian ini akan dapat memperlihatkan perkembangan mengenai PPSB yang penting diambil perhatian oleh Pengurusan Sumber Manusia sesuatu organisasi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ringkas ini bertujuan melihat keberkesanan PPSB yang telah dilaksanakan selama hampir 4 tahun. Antara perkara khusus yang akan diberi perhatian dalam kajian ini adalah:-

- i. Untuk melihat sama ada terdapat atau tidak kesan ke atas peningkatan tahap pengetahuan terhadap aspek kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang dan kesan psikologi bakal pesara yang mengikuti PPSB;
- ii. Untuk melihat sama ada terdapat atau tidak kesan ke atas tahap perancangan persaraan terhadap aspek kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang dan masalah psikologi bakal pesara perkhidmatan awam yang mengikuti PPSB;
- iii. Untuk melihat sama ada terdapat atau tidak kesan positif ke atas aspek psikologikal iaitu sikap, penghargaan sendiri, kepuasan hidup, pengawalan diri dan ketahanan pengurusan tekanan bakal pesara perkhidmatan awam terhadap persaraan yang akan dihadapinya.

METODOLOGI KAJIAN

Bentuk Kajian

Kajian ini adalah menggunakan soal selidik yang meminta bakal pesara yang telah menghadiri PPSB untuk membuat penilaian sejauh mana tahap pengetahuan persaraan, pengetahuan untuk merancang persaraan, sikap, penghargaan sendiri, kepuasan kehidupan dan tahap pengurusan tekanan hidup dapat ditingkatkan melalui aktiviti yang disediakan dalam PPSB. Bakal pesara diminta menandakan tahap sesuatu aspek yang diukur di masa ia belum mengikuti PPSB dan menandakan tahap aspek yang sama selepas mengikuti PPSB.

Subjek dan Alat Kajian

Subjek kajian keberkesanan PPSB ini menggunakan bakal pesara perkhidmatan awam yang telah mengikuti PPSB anjuran JPA pada tahun 2000 hingga 2003. Kesemua PPSB dilaksanakan di Dewan Serbaguna, Jabatan Perkhidmatan Awam sama ada di Kompleks JPA Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur atau di Auditorium Blok C1 JPA, Putrajaya. Bakal pesara diminta mengisi borang soal selidik yang disediakan. Bakal pesara diminta menilai dan menyatakan tahap beberapa aspek persaraan dalam borang soal selidik tersebut.

Dalam borang soal selidik itu, terdapat 3 perkara utama yang dinilai iaitu; pertama, Tahap Pengetahuan Persaraan iaitu tahap pengetahuan aspek kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang dan kesan psikologi. Kedua, Perancangan Persaraan iaitu tahap untuk merancang aspek kewangan, kesihatan, masa lapang dan menghadapi masalah psikologi. Ketiga, Pengetahuan Psikologikal iaitu dilihat daripada aspek sikap terhadap persaraan, penghargaan sendiri, pengawalan diri dan pengurusan tekanan (stress).

Subjek kajian ini diminta menandakan (X) di tempat yang disediakan tentang tahap aspek yang diukur sebelum mengikuti PPSB dan selepas mengikuti PPSB mengikut skala likert iaitu (a) Sangat Sedikit (b) Sedikit (c) Sederhana (d) Mencukupi dan (e) Sangat mencukupi. Soal selidik hanya diisi selepas subjek selesai mengikuti PPSB.

Jumlah subjek kajian ini adalah seramai 1698 orang bakal pesara. Mereka terdiri daripada 1203 lelaki dan 495 perempuan. Sekiranya dilihat mengikut kumpulan pula, seramai 107 Kumpulan Pengurusan, 326 Kumpulan Sokongan 1 dan 1265 daripada Kumpulan Sokongan II.

Program Persediaan Persaraan JPA

Program Persediaan Sebelum Bersara (PPSB) dirancang untuk membantu bakal pesara perkhidmatan awam untuk membuat persediaan persaraannya. Program ini dihadiri oleh bakal pesara yang akan bersara antara 1 hingga 3 tahun lagi. Tempoh PPSB adalah selama 3 hari. Program ini dikendalikan secara ceramah dan perbincangan panel. Perkara yang disentuh adalah hal ehwal permohonan dan kelayakan yang didapati pesara, kewangan, kesihatan, kerjaya semasa bersara, pemakanan, psikologi, kemudahan yang disediakan kerajaan dan panel menghadapi persaraan oleh pesara perkhidmatan awam. Penceramah adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang dikehendaki dalam PPSB. Setiap PPSB dihadiri oleh bakal pesara lelaki dan perempuan tetapi PPSB diasingkan antara bakal pesara dalam Kumpulan Pengurusan dengan Kumpulan Sokongan.

Untuk mengenal pasti sama ada bakal pesara itu membuat persediaan atau tidak, satu mekanisme untuk menentukan tahap persediaan perlu dibentuk. Aspek yang diberikan penekanan dalam membentuk mekanisme untuk menentukan tahap persediaan persaraan ialah tahap pengetahuan, perancangan dan aspek psikologikal mereka terhadap persaraan.

Penganalisaan Data

Data yang didapati dalam kajian ini iaitu skor sebelum mengikuti PPSB dan skor selepas mengikuti PPSB akan dianalisa dengan menggunakan "Package SPSS". Aplikasi statistik yang diguna adalah min dan t-test sebagai asas perbincangan dapatan kajian ini.

DAPATAN KAJIAN KEBERKESANAN PPSB

Pengetahuan Persaraan

Dalam kajian ini, konsep pengetahuan tentang persaraan secara operasional ditentukan oleh jumlah skor yang diperolehi oleh bakal pesara daripada 4 aspek iaitu pengetahuan tentang kewangan, pengetahuan kesihatan, pengetahuan masa lapang dan pengetahuan psikologikal. Sekiranya terdapat peningkatan min selepas mengikuti PPSB ini menunjukkan tahap pengetahuan persaraan bakal pesara itu lebih baik dan dijangka mencukupi untuk dirinya memahami tentang persaraan yang akan dihadapinya.

Jadual 1 :Analisa Keberkesanan PPSB Ke Atas Tahap Pengetahuan Persaraan

Pemboleh ubah	N	dk	Sebelum		Selepas		t	Sig. (2-tailed)
			Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai		
1. Pengetahuan Kewangan	1698	1696	2.89	1.16	3.81	.91	-29.774	.000
2. Pengetahuan Kesihatan	1698	1694	3.01	.86	3.91	1.13	-29.836	.000
3. Pengetahuan Masa Lapang	1698	1697	3.00	1.04	3.87	.89	-32.107	.000
4. Pengetahuan Psikologi	1698	1695	2.80	1.38	3.83	.90	-28.735	.000
5. Pengetahuan Keseluruhan	1698	1692	11.71	3.32	15.42	3.28	-39.999	.000

Keputusan analisa di **Jadual 1** mendapati secara keseluruhan min pengetahuan persaraan bakal pesara yang telah mengikuti PPSB lebih tinggi (15.42) daripada sebelum mengikuti PPSB (11.71) secara signifikan. Sekiranya dilihat pula kepada 4 aspek kecil pengetahuan persaraan iaitu; pengetahuan kewangan juga meningkat secara signifikan iaitu min sebelum PPSB (2.89) dan selepas PPSB (3.81), pengetahuan kesihatan min sebelum PPSB (3.01) dan selepas PPSB (3.91), pengetahuan aktiviti masa lapang sebelum PPSB (3.0) dan selepas PPSB (3.87) dan pengetahuan psikologi sebelum PPSB (2.80) dan selepas PPSB (3.83).

Berdasarkan dapatan di atas ternyata bahawa PPSB telah dapat meningkatkan tahap pengetahuan persaraan di kalangan bakal pesara yang mengikuti PPSB. Ini bermakna ceramah yang berkaitan dengan kewangan, penjagaan kesihatan, peluang kerjaya dan aktiviti masa lapang serta isu psikologi yang diberikan semasa PPSB mendatangkan faedah yang besar kepada bakal pesara. Dengan adanya pengetahuan ini dijangka bakal pesara mampu membuat sesuatu untuk masa persaraannya kelak. Beberapa aspek pencegahan juga telah diberikan terutama dalam hal kewangan dan kesihatan. Ini akan membuat bakal pesara lebih peka terhadap isu tersebut dan ia perlu berhati-hati merencangkannya. Pengetahuan persaraan sangat penting kepada bakal pesara seperti dinyatakan oleh pengkajian persaraan Simpson & Back (1966), Hunter (1968), dan Atchley (1976) "bagaimana seseorang itu melihat persaraan adalah bergantung kepada sejauh mana kefahamannya tentang persaraan dan persediaan untuk menghadapi situasi itu". Ini

menunjukkan penyebaran maklumat penting untuk memberikan pengetahuan dan kefahaman yang lebih jelas kepada bakal pesara.

Dalam soal ini JPA yang menganjur PPSB telah berjaya membantu dan mendorong bakal pesara supaya lebih bersedia menghadapi persaraan dengan menambah pengetahuan persaraan mereka. Dalam kajian ini, konsep pengetahuan tentang persaraan secara operasional ditentukan oleh jumlah skor yang diperolehi oleh bakal pesara daripada 4 aspek iaitu pengetahuan tentang kewangan, pengetahuan kesihatan, pengetahuan masa lapang dan pengetahuan psikologikal. Sekiranya terdapat peningkatan min selepas mengikuti PPSB, ini menunjukkan tahap pengetahuan persaraan bakal pesara itu lebih baik daripada sebelum mengikuti PPSB dan dijangka dapat membantu bakal pesara memahami tentang persaraan.

Perancangan Persaraan (PP)

Dalam kajian ini, konsep perancangan persaraan operasional ditentukan oleh jumlah skor yang diperolehi oleh bakal pesara daripada 4 aspek iaitu perancangan tentang kewangan, perancangan kesihatan, perancangan masa lapang dan perancangan mengendalikan masalah psikologikal. Sekiranya terdapat peningkatan min selepas mengikuti PPSB ini menunjukkan tahap pengetahuan persaraan bakal pesara itu lebih baik dan dijangka mencukupi untuk dirinya memahami tentang persaraan yang akan dihadapinya.

Jadual 2 : Analisis Keberkesanan PPSB Ke Atas Tahap Untuk Perancangan Persaraan

Pembolehan ubah	N	dk	Sebelum		Selepas		t	Sig. (2- tailed)
			Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai		
1. Perancangan Kewangan	1698	1695	2.91	1.58	3.77	.90	-21.339	.000
2. Perancangan Kesihatan	1698	1694	2.97	.86	3.81	.90	-34.300	.000
3. Perancangan Masa Lapang	1698	1691	2.96	1.35	3.80	.90	-24.025	.000
4. Perancangan Psikologi	1698	1693	2.73	0.95	3.82	1.81	-23.440	.000
5. Perancangan Keseluruhan	1698	1689	11.56	3.52	15.19	3.64	-34.960	.000

Keputusan analisa di **Jadual 2** mendapati secara keseluruhan min perancangan persaraan bakal pesara yang telah mengikuti PPSB lebih tinggi (15.92) daripada sebelum mengikuti PPSB (11.56) secara signifikan. Sekiranya dilihat pula kepada 4 aspek kecil perancangan persaraan iaitu; perancangan kewangan juga meningkat secara signifikan iaitu min sebelum PPSB (2.91) dan selepas PPSB (3.77), perancangan kesihatan min sebelum PPSB (3.01) dan selepas PPSB (3.81), perancangan aktiviti masa lapang sebelum PPSB (2.96) dan selepas PPSB (3.80) dan perancangan psikologikal sebelum PPSB (2.73) dan selepas PPSB (3.82).

Berdasarkan dapatan di atas ternyata bahawa PPSB telah dapat meningkatkan tahap pengetahuan untuk perancangan persaraan di kalangan bakal pesara yang mengikuti PPSB. Ini bermakna ceramah yang berkaitan dengan kewangan, penjagaan kesihatan, peluang kerjaya dan aktiviti masa lapang serta isu psikologi yang diberikan semasa PPSB mendatangkan faedah yang besar kepada bakal pesara. Dengan adanya pengetahuan ini di jangka bakal pesara mampu membuat sesuatu untuk masa persaraannya kelak. Beberapa aspek pencegahan juga telah diberikan terutama dalam hal kewangan dan kesihatan. Ini akan membuat bakal pesara lebih peka terhadap isu tersebut dan ia perlu berhati-hati merencangkannya.

Kunci kejayaan dalam kehidupan semasa bersara adalah bergantung kepada perancangan persaraan (AARP 1985, Atchley 1976, Ismail 2000). Perancangan sebelum menghadapi persaraan itu termasuklah perancangan kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang dan perancangan menangani masalah psikologikal (Schlossberg 1980). Perancangan persaraan yang dirangka itu boleh menimbulkan rasa lebih yakin dalam menangani kehidupan dan ia akan bersifat lebih positif melihat kehidupan masa depan kehidupan (Myers & Salmon 1984; AARP 1985; Pollan & Levine 1995; Riker & Myers 1990).

Perancangan persaraan dalam kajian ini diertikan juga sebagai tindakan merangkakan apa yang hendak dilakukan ke atas sejumlah masa lapang yang didapati akibat persaraan. Adakah sesuatu perkara yang akan dilakukan itu sesuai dan selaras dengan keperluan dan kehendak bakal pesara itu pada masa depan (bersara)? Ia juga perlu mengambil kira tentang jangkaan masalah yang akan dihadapi dan cara menyelesaikan masalah itu berdasarkan sumber diri yang ada. Perancangan persaraan dianggap sebagai rangka projek yang akan dijadikan panduan dalam menghadapi perubahan hidup pada masa bersara (Hunter 1968). Dalam aspek Perancangan Persaraan ini, terdapat 4 aspek iaitu perancangan kewangan, kesihatan, aktiviti dan menangani masalah psikologikal.

Perancangan Psikologi (PPs)

Dalam kajian ini, konsep perancangan psikologi dapat dilihat daripada jumlah skor yang diperolehi oleh bakal pesara daripada lima aspek iaitu sikap terhadap persaraan, penghargaan sendiri, kepuasan hidup, pengawalan diri dan ketahanan pengurusan tekanan. Peningkatan min yang diperolehi oleh bakal pesara dari aspek perancangan psikologikal ini menunjukkan bakal pesara mempunyai persediaan dan ketahanan mental menghadapi proses transisi alam pekerjaan ke alam persaraan.

Keputusan analisa seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 3** menunjukkan keseluruhan min perancangan psikologi selepas mengikuti program PPSB adalah lebih tinggi (19.38) daripada sebelum mengikuti PPSB secara signifikan iaitu (11.56).

Jadual 3 : Analisa Keberkesanan PPSB Ke Atas Perancangan Psikologi

Pemboleh ubah	N	dk	Sebelum		Selepas		t	Sig. (2-tailed)
			Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai		
1. Sikap Terhadap Persaraan	1698	1692	2.96	1.27	3.87	.92	-26.611	.000
2. Penghargaan Kendiri	1698	1692	3.04	.95	3.92	1.34	-24.618	.000
3. Kepuasan Hidup	1698	1693	3.26	1.68	3.92	.86	-15.856	.000
4. Pengawalan Diri	1698	1690	3.07	.86	3.86	.91	-33.960	.000
5. Ketahanan Pengurusan Tekanan	1698	1686	2.93	.91	3.81	.89	-34.660	.000

Manakala dalam 5 aspek perancangan psikologi didapati bahawa bakal pesara memperoleh min yang lebih tinggi selepas mengikuti PPSB. Sikap terhadap persaraan meningkat iaitu min sebelum PPSB (2.96) dan selepas PPSB (3.87), Penghargaan Kendiri meningkatkan min sebelum PPSB (3.04) dan selepas PPSB (3.92). Manakala bagi Kepuasan

Hidup, min yang diperolehi bakal pesara sebelum PPSB (3.26) dan selepas PPSB (3.92). Pengawalan Diri, sebelum PPSB (3.07), selepas PPSB (3.86) dan bagi Ketahanan Pengurusan Tekanan min yang diperolehi bakal pesara sebelum PPSB (2.93) dan selepas PPSB (3.81).

Berdasarkan dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa Program Persediaan Sebelum Bersara (PPSB) telah dapat meningkatkan pendedahan ke atas perancangan psikologi bakal pesara. Perancangan Psikologi ini adalah sangat penting dalam proses persediaan bersara bagi mengatasi rasa kebimbangan dan kegelisahan terhadap kemungkinan pelbagai situasi yang bakal dihadapi oleh bakal pesara apabila mereka bersara kelak. Keadaan kebimbangan yang dialami oleh bakal pesara boleh mendatangkan dua keadaan yang berbeza iaitu sama ada secara positifnya ia akan membuat bakal pesara bermotivasi untuk membuat perancangan menangani jangkaan masalah akan datang ataupun dalam keadaan negatifnya kebimbangan ini boleh menjejaskan prestasi dan produktiviti bakal pesara (Faridah Hanam 1999; Ismail 2002).

Perancangan psikologi terhadap bakal pesara boleh dikira sebagai perancangan paling utama memandangkan bakal pesara akan melalui perubahan hidup yang besar terutamanya dalam aspek kewangan, kesihatan, aktiviti masa lapang, kehilangan pekerjaan, perhubungan dengan pasangan, anak-anak, dan kawan-kawan, kehilangan status, kematian dan sebagainya yang tentunya boleh mengganggu pemikiran dan emosi bakal pesara yang tidak mempunyai persediaan dan ketahanan psikologi. Justeru, dengan pelaksanaan program PPSB ini, bakal pesara diharap akan merangka lebih awal, bersedia dari aspek fizikal dan mental, mempunyai ketahanan emosi yang kukuh menghadapi sebarang impak perubahan tersebut.

Keberkesanan PPSB Secara Keseluruhan

Secara keseluruhannya, skor min yang diperolehi oleh bakal pesara memperlihatkan peningkatan yang memberangsangkan dalam ketiga-tiga aspek utama iaitu, aspek Tahap Persaraan, aspek Tahap Perancangan Persaraan dan aspek Perancangan Psikologi. Skor min keseluruhan bakal pesara sebelum mengikuti PPSB adalah (38.55) dan meningkat kepada (50.05) selepas PPSB.

Peningkatan secara keseluruhan ini menunjukkan kejayaan Program Persediaan Sebelum Bersara yang telah diadakan sebelum ini. Ini merupakan satu indikator yang positif ke arah mewujudkan program persaraan yang lebih efektif dan efisien di mana program seperti ini bukan sahaja dapat memberi pendedahan psikologi bersara, tetapi dapat membantu bakal pesara merancang persaraan dengan kemas dan dapat mengubah persepsi bakal pesara ke arah yang lebih positif. Secara tidak langsung, bakal pesara juga akan dapat menyumbangkan output yang paling optimum walaupun berada di ambang persaraan. Dengan itu, perkhidmatan yang diberikan akan lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

PERBINCANGAN

Walau pun dari segi analisis dapatan PPSB itu menunjukkan terdapat kesan yang positif iaitu kenaikan yang signifikan setiap aspek yang diukur namun dilihat daripada tahap kenaikan itu masih tidak mencukupi, min dalam lingkungan 4 iaitu tahap mencukupi. Berdasarkan data analisis didapati 13 aspek daripada 15 aspek yang diukur mempunyai min yang melebihi 3.8 iaitu tahap yang sangat menghampiri tahap mencukupi.

Ini bermakna PPSB perlu melihat dan menyemak kembali PPSB supaya dapat dipertingkatkan aspek yang masih dirasakan belum mencukupi. Di antara aspek yang boleh diberikan perhatian mungkin dari segi masa atau tempoh PPSB dipanjangkan, ditambah dengan aktiviti amali tertentu dalam hal perancangan dan penjagaan kesihatan. Dengan adanya kajian penambahbaikan ini dijangka akan dapat meningkatkan lagi tahap persediaan persaraan bakal pesara yang mengikuti PPSBM.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dengan dapatan pelaksanaan Program Persediaan Sebelum Bersara yang positif ini, diharapkan bakal pesara dapat menyedari bahawa persaraan itu merupakan satu tempoh kehidupan yang sangat menarik dan membuka peluang baru yang lebih menarik dan menyeronokkan. Memandangkan bakal pesara telah banyak berkorban, menabur bakti dan berjasa kepada perkhidmatan dan negara maka, selayaknya, dengan inisiatif pelbagai pendekatan dalam PPSB ini, mereka juga akan dapat terus menyumbang kepada keluarga, agama, bangsa dan negara hingga ke akhir hayat. Pihak Pengurusan Sumber Manusia perlu mengambil perhatian sewajarnya ke atas pelaksanaan PPSB dan memastikan semua bakal pesara mengikut PPSB.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman.(1984). Penyelidikan kaunseling dan bimbingan di Malaysia: Satu penerokaan di sebuah institusi pengajian tinggi. *Jurnal Persatuan Kaunseling Malaysia (Perkama)*, 1:122-139.
- Abdullah Malim Baginda. (1987). The emerging issues of the ageing of population in Malaysia. Population of Malaysia: Review of emerging issues. *Ageing population series 80*. United Nation.
- American Association of Retired Person. (1991). *A women's guide to retirement planning*. Washington D.C: Publication of American Association of Retired Persons.
- American Association of Retired Person. (1992). *A primer on personal money management for midlife and older women*. Washington D.C: Publication of American Association of Retired Person,
- American Association of Retired Persons. (1995). *Planning your retirement*. Washington, D.C: Publication of American Association of Retired Persons.
- Atchley, R.C. (1976). *The sociology of retirement*. Cambridge, Massachusetts: Schenkmen Publishing Company, Inc.
- Atchley, R.C. (1989). Retire bashing no good deed goes unpunished. *Generations*, Spring: 21- 30.
- Faridah Hanam Mohd.Rashid. (1999). Anxiety among retiring employees and its relationship with performance at work place. Desetasi Ph.D, Universiti Putra Malaysia.
- Hunter, W.W. (1968). *A longitudinal study of pre retirement education*. Division of Gerontology, Ann Arbor.
- Ismail Alias. (2000). Keberkesanan prosedur kelompok dalam mempertingkatkan persediaan persaraan bakal pesara perkhidmatan awam. Thesis Ph.D, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Alias. (2002). Tahap kebimbangan persaraan di kalangan bakal pesara perkhidmatan awam. *Jurnal Pengurusan Awam*, Jilid 1 Bil 1, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
- Jami'ah Mohamad. (1984). Masalah penyesuaian diri dan perancangan: satu kajian kes di kalangan pesara tentera di Kampung Pandan, Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Maznah Ismail, & Lourdusamy. (1993). Menghadapi persaraan: perspektif psikologi. Dlm. Noran Fauziah Yaakub dan Wan Rafaei Abd. Rahman (pnys.). *Siri Psikologi Organisasi: Sumber Manusia dalam Organisasi*. hlm. 125-134. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Myers, J.E., & Salmon, H.E. (1984). Counseling program for older person: status, shortcomings, and potentialities. *The Counseling Psychologist*, **12**(2): 39-53.
- Pollan, S.M., & Levine, M. (1995). *The rise and fall of retirement worth*. Disember/Januari: 64-74.
- Riker, H. & Myers, J. (1990). *Retirement counseling: a practical guide for action*. New York: Hemisphere Publishing Corporation.
- Schlossberg, N.K., Troll, L.E. & Leibowitz, Z. (1978). *Perspective on counseling adult. Issues and skill*. Monterey, CA: Books/Cole
- Schlossberg, N.K. (1980). A model for analysing human adaptation to transition. *The Counseling Psychologist*, **9**(2):2-19.
- Simpson, I.H., & Back, K.W. (1966). Orientation toward work and retirement and self evaluation toward retirement. Dlm. Simpson, I.H., & Mc Kinney, J.C. (pnyt.). *Social aspects of aging*. hlm. 75-89. Durham, North Carolina: Duke University Press.
- Tan Soon Peng. (1996). Pandangan masyarakat Cina terhadap golongan tua: satu kajian kes. Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Taylor-Carter, M.A., Cook, K. & Weinberg, C. (1997). Planning and expectation of the retirement experience. *Educational Gerontology*, **23**: 273-288.
- Teo Lay Hoon. (1996). Pekerja pesara: aset kepada pembangunan negara. Desetasi MA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.